



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 FEBRUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PETANI TETAP TUNTUT HARGA RM1,800, NEGARA, KOSMO -16 TIADA REAKSI KERAJAAN, PETANI TERUS BERHIMPUN TUNTUT HARGA RM1,800, DALAM NEGERI, UM -8 PESAWAH KECEWA TIADA MAKLUM BALAS, NASIONAL, SH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	40 EKOR AYAM DITERNAK DI TAMAN PERUMAHAN DISITA, THE MALAY TRIBUNE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6.	SAMPAI BILA PETANI HENDAK NAIK KAPCAI?, DALAM NEGERI, UM -31 BANJIR: 131 PESAWAH DI PULAU PINANG TERIMA BANTUAN, DALAM NEGERI, UM -35	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	PENIAGA KECEWA PASAR TANI RAMADAN DIBATAL SAAT AKHIR, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9.	REKA BENTUK SHEET PILE MINGGU INI, NASIONAL, SH -9 PAM HIDROLIK BANTU KADA ATASI MASALAH BEKALAN AIR, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10.	AGROBANK SUMBANG BANTUAN RM15,000 KEPADA KOMUNITI CINA, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	PERUNTUK RM239,832 BANTU 131 PESAWAH PULAU PINANG TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, SH -9 PAYA LUBOH JADI LOKASI PELANCONGAN AGRO, DALAM NEGERI, UM -36 MUSIM MELAWAS, KELAPA BAGAN DATUK BERKURANG 70 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -34 AGIH SUBSIDI BERSASAR DENGAN CEKAP KEPADA RAKYAT, NASIONAL, SH -4 MTEM CADANG TUBUH SURUHANJAYA BEBAS TANGANI ISU PADI, BERAS, LOKAL, HM -6 STRUKTUR PASARAN TIDAK SEIMBANG, LOKAL, HM -6 PULAU PINANG LULUS RM239,832 BANTU 131 PESAWAH TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, BH -9 STRUKTUR PASARAN TIDAK SEIMBANG HIMPIT KILANG PADI BUMIPUTERA, NASIONAL, BH -9 ALL WILL BENEFIT FROM ECONOMIC PIE, SAYS PM, NATION, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Petani tetap tuntutan harga RM1,800

YAN – Perhimpunan pesawah di Putrajaya hampir seminggu lepas gagal meredakan kekecewaan golongan tersebut apabila lebih 200 daripada golongan tersebut kembali berdemonstrasi secara aman di sini, pada semalam.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, walaupun selepas seminggu memorandum berkaitan permintaan diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri dalam perjumpaan tersebut, namun masih tiada sebarang maklum balas dari Putrajaya.

“Kami masih ternanti-nanti kan kenyataan daripada Perdana Menteri dan menteri terlibat berhubung permintaan para pesawah tersebut

“Esok PeSAWAH akan turun lagi ke Putrajaya dan pergi ke-menterian untuk bertanya tentang perkembangan terbaharu termasuk keputusan di peringkat kementerian.

“Katanya sudah dibincang tetapi kita tidak mendapat satu kenyataan dan tidak ada satu kenyataan rasmi lagi dan sudah pasti kita ternanti-nanti,” katanya ketika ditemui pada per-

himpunan aman menuntut kenaikan harga lantai belian padi dari RM1,300 kepada RM1,800 di Bukit Besar, di sini semalam.

Kira-kira 200 pesawah dari Kedah dan Perlis menyertai perhimpunan tersebut yang bertujuan menggesa kerajaan dan kementerian terlibat mempertimbangkan kenaikan harga belian itu ekoran kos penanaman padi yang meningkat ketika ini.

Kata seorang petani wanita, Mazliza Md Desa, 50, dia terpaksa mengeluarkan kos yang lebih tinggi jika tidak mendapat harga belian lebih tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8



SERAMAI 200 pesawah menyertai perhimpunan aman menuntut kenaikan harga lantai belian padi kepada RM1,800 di Bukit Besar, Yan, Kedah semalam.

Tiada reaksi kerajaan, petani terus berhimpun tuntutan harga RM1,800

YAN: Perhimpunan pesawah di Putrajaya hampir seminggu lalu gagal meredakan kekecewaan golongan itu apabila lebih 200 daripada mereka kembali berdemonstrasi secara aman.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, walaupun memorandum telah diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri, masih tiada sebarang maklum balas dari Putrajaya mahupun kementerian terlibat.

"Kami masih ternanti-nantikan kenyataan daripada Perdana Menteri dan menteri terlibat berhubung permintaan

pesawah. Sehingga hari ini masih tiada sebarang reaksi sejak pesawah turun ke Putrajaya seminggu yang lepas.

"Esok (hari ini) PeSAWAH akan turun lagi ke Putrajaya bertanya perkembangan terbaharu keputusan di peringkat kementerian. Katanya sudah bincang tetapi kita tidak dapat satupun kenyataan rasmi lagi, sudah pasti kita ternanti-nanti," katanya ketika ditemui pada perhimpunan menuntut kenaikan harga lantai belian padi kepada RM1,800 di Bukit Besar di sini, semalam.

Kata Abdul Rashid, walaupun perhimpunan di Putrajaya

berdepan pelbagai cabaran termasuk perubahan lokasi pada saat-saat akhir, namun usaha mereka tidak akan terhenti.

"Semalam kali ke-16 perhimpunan diadakan sejak 11 Januari lepas di Perak untuk menuntut kenaikan harga lantai dan kita akan teruskan. Kita berharap Perdana Menteri dan menteri beri maklum balas secepat mungkin kerana musim menuai sudah tiba," katanya.

Sementara itu, petani wanita, Mazliza Md. Desa, 50, berkata, dia terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi jika ingin meningkatkan hasil tanaman, walaupun dapat subsidi kerajaan.

PeSAWAH kecewa tiada maklum balas

KPKM masih 'kunci mulut' isu harga belian padi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

Pertubuhan Pesadaraan Maklumlah Pesawah (PeSAWAH) kecewa kerana masih belum menerima maklum balas daripada Pejabat Perdana Menteri (PMO) melalui Kementerian Pertanian dan Kefarmasian Makanan (KPKM) bertubung gesaan mereka dalam meningkatkan harga belian padi.

Perwakilan PeSAWAH, Abdul Rashid Yoh berkata, beliau mewakili pesawah telah menyerahkan memorandum kepada wakil PMO dan wakil menteri KPKM pada 27 Januari lalu.

Beliau berkata pihaknya telah menerima satu gairis masa agar maklum balas dapat diberikan memandangkan pesawah di utara akan memasuki musim menanam padi bermula bulan ini.

"Tapi sorkat ini kami masih belum terima apa-apa keputusan tentang harga belian padi," kata Abdul Rashid.

Beliau berkata, pihaknya telah menerima satu gairis masa agar maklum balas dapat diberikan memandangkan pesawah di utara akan memasuki musim menanam padi bermula bulan ini.



Abdul Rashid (dapan, kanan) mengawal larian hidup pesawah ketika Himpunan Pesawah di Bukit Besar Padi Lintas.

"Saya dengar mereka tengah berunding, tetapi tak tau setakat mana ia dibincang. Alasan sedang berunding itu sudah kerap kali kami dengar," jelasnya.

Abdul Rashid berkata, beliau telah menerima maklum balas dari pejabat PMO dan KPKM, namun ia bukan jaminan kerana tiada satu ketetapan rasmi daripada kerajaan.

"Meninggal ada kilang malikan harga, ada kilang yang tidak malikan harga, jadi mereka malikan harga pada harga rendah."

"Jadi di sini sudah berlaku ketidakadilan kepada pesawah kerana harga yang dibayar berbeza-beza sedangkan mereka mengulangi peningkatan harga sama. Sebab itu kami meminta kerajaan suraikan isi hati terpendam," ujarnya.

Reka bentuk sheet pile minggu ini

KOTA BHARU - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemboja (KADA) dalam peringkat untuk melaksanakan projek pembangunan pertanian di kawasan ini. Segala di samping itu, KADA juga akan melaksanakan projek pembangunan pertanian di kawasan ini. Segala di samping itu, KADA juga akan melaksanakan projek pembangunan pertanian di kawasan ini.

"KADA di bahagian kelengkapan awam sudah menyiapkan proposal reka bentuk sheet pile berkenaan dan akan bermesyuarat bersama JPS untuk keputusan akhir," katanya ketika ditemui di Pejabat KADA, Jalan Sultan Ismail, Kota Bharu, pada Selasa.

Beliau sebelum itu berkata, KADA akan mendengar kehendak petani di Bondang Jal Kuteh dan melawat Projek Pertanian Rintis membabitkan penanaman enan jenis salad serta tanaman lain oleh kakitangan KADA.

Katanya, rata-rata petani meluaskan masalah di kawasan ini kerana bekalan air ke tanaman padi dan membina sistem pengaliran air yang baik. Segala di samping itu, KADA juga akan melaksanakan projek pembangunan pertanian di kawasan ini.

Sebelum ini, petani-petani di negeri itu mengalami kerugian berikutan masalah bekalan air yang berlaku semasa musim kemarau lepas berpunca daripada kerosakan sheet pile tersebut.



Khalid (kanan) menunjukkan hasil salad yang dipetik.

Peruntuk RM239,832 bantu 131 pesawah Pulau Pinang terjejas banjir

GEORGE TOWN - Sebanyak 131 pesawah di negeri ini yang terkesan bencana banjir pada tahun lalu menerima bantuan berjumlah RM239,832.

Exco Pulau Pinang, Fahmi Zairul berkata, bantuan itu diberi melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pesawah Negeri (PUN) kepada pesawah terjejas.

Menurutnya, kawasan sawah yang terjejas akibat banjir melibatkan keluasan sebanyak 140.8 hektar merangkumi sembilan kawasan di kawasan Unsur Negeri (DUN) Bagan Pinang. Beliau berkata, bantuan ini telah memberikan kesan besar kepada sektor pertanian, khususnya pesawah di negeri ini.

"Mustahil ini telah menjelaskan sumber pendapatan mereka yang bergantung pada pertanian. Kepada hasil tanaman padi, mereka akan mengalami kerugian," katanya.



Fahmi (enam dari kanan) bersama pesawah dari sembilan DUN terjejas banjir pada tahun lalu menerima bantuan daripada kerajaan.

Majlis Perenyahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Pulau Pinang telah menerima permohonan Fahmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerlejak berkata, sembilan DUN merupakan kawasan besar dan memerlukan perhatian serta sokongan daripada kerajaan untuk membantu pesawah.

kan sektor pertanian negeri terus berkembang dan kekal berdaya saing.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dalam melaksanakan program bantuan ini khususnya kepada Jabatan Pertanian Pulau Pinang, agensi kerajaan serta semua pihak yang telah beringkus-umuk dalam memastikan pesawah terjejas mendapat bantuan sewajarnya.

"Kerajaan negeri akan terus berusaha meningkatkan daya tahan sektor pertanian termasuk memperkukuhkan langkah mitigasi bagi menghadapi perubahan iklim dan bencana alam yang semakin meningkat," tambahnya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan memastikan pesawah terjejas mendapat bantuan sewajarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	THE MALAY TRIBUNE	ONLINE	

40 ekor ayam ditenak di taman perumahan disita



Kuantan: Sebanyak 40 ekor ayam yang ditenak di sebuah taman perumahan di daerah ini disita Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), hari ini.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), Nor Hayatul Huda Othman berkata, struktur reban dan sangkar besi dibina secara

haram oleh seorang penduduk dirobohkan.

Katanya, tindakan penguatkuasaan itu susulan tiga aduan yang diterima daripada penduduk sekitar mengenai gangguan kejiranan akibat aktiviti penternakan ayam yang dijalankan oleh seorang penduduk di taman perumahan terbabit.

“Sebelum itu, MBK sudah mengeluarkan notis untuk menghapuskan kacau ganggu terbabit tetapi hasil semakan dan susulan mendapati pemilik reban ayam gagal mematuhi notis yang dikeluarkan.

“Pihak majlis melaksanakan operasi melupus ayam ternakan dan merobohkan struktur reban ayam di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) hari ini,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, operasi itu membabitkan seramai 38 anggota MBK termasuk anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Veterinar Pahang.

Katanya, antara tindakan yang dilaksanakan ialah menangkap 40 ekor ayam, merobohkan sangkar besi dan reban ayam yang didirikan secara haram.

“Tujuan operasi itu dilaksanakan untuk memberi peringatan kepada masyarakat khususnya individu supaya tidak melakukan kacau ganggu dan melanggar peraturan ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd



ISU belian padi pada harga yang rendah semakin menekan golongan petani yang mengusahakan sawah di Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NORDIN

Sampai bila petani hendak naik kapcai?

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@medienila.com.my

YAN: Kerajaan negeri menyangkal dakwaan dibuat Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar bahawa pesawah terlalu mengeluar harga berbanding berusaha meningkatkan hasil padi, ekoran tuntutan harga lantail belian padi dari RM1,300 kepada RM1,800.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan Kedah, Dzowahir Ab Ghani berkata, permintaan para petani itu berasas kerana pendapatan mereka di bawah paras kemiskinan tegar.

"Pendapatan bulanan petani

ini kalau dikira betul-betul cuma RM300 sahaja sebulan. Bukan mereka saja-saja minta, sudah berapa lama petani hidup dalam kelompok kemiskinan.

"Mereka bukan hendak kejar harga kerana apabila kerajaan mengumumkan penyelarasan harga diesel, semua kos meningkat termasuk pengangkutan.

"Upah membajak serelung sekarang RM200 daripada RM100. Petani juga teringin hendak berasa naik Toyota Alphard, sampai bila hendak naik kapcai sahaja? Benih padi dulu RM40 tetapi sekarang mana boleh harga itu, sekarang RM60, jadi petani hendak makan apa," katanya pada perhimpunan aman menuntut kenaikan harga

lantail belian padi di Bukit Besar, Yan di sini, semalam.

Tambah Dzowahir, harga belian padi yang rendah semakin menekan golongan itu dan bakal bertambah parah sekiranya tidak ditangani sebaiknya oleh kerajaan.

"Kerajaan negeri sentiasa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini dari masa ke semasa. Kita pun tidak duduk diam dan kita sudah suarakan dengan asas yang kukuh, kerajaan kena pertimbangkan.

"Tetapi keadaan sekarang seolah-olah petani yang memberi subsidi kepada kerajaan kerana mereka menanggung kos yang tinggi, sepatutnya kerajaan yang beri subsidi," katanya.

Banjir: 131 pesawah di Pulau Pinang terima bantuan



FAHMI Zainol (depan, tengah) menyampaikan bantuan kepada para pesawah pada Majlis Penyerahan Bantuan TBTP Pulau Pinang di Kepala Batas, Pulau Pinang.

GEORGE TOWN: Seramai 131 pesawah di Pulau Pinang yang terjejas akibat banjir baru-baru ini menerima bantuan daripada kerajaan negeri menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) berjumlah RM239,832 bagi meringankan beban mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, bantuan itu disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun pesawah terlibat.

"Kerajaan negeri amat prihatin dengan nasib yang menimpa golongan pesawah terutamanya mereka yang terjejas akibat banjir ini.

"Oleh itu, sebagai usaha membantu meringankan beban yang ditanggung, kerajaan telah mem-

peruntukkan bantuan berjumlah RM239,832 melalui LPP kepada 131 pesawah yang terjejas akibat bencana ini," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan TBTP Pulau Pinang di sini, semalam.

Menurut Fahmi, sawah yang terjejas melibatkan kawasan seluas 140.8 hektar merangkumi sembilan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Musibah banjir ini telah menjejaskan sumber pendapatan para pesawah yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tuaian mereka.

"Kawasan terjejas banjir juga melibatkan satu jumlah yang besar dan ini memerlukan perhatian serta sokongan daripada semua pihak bagi memastikan sektor pertanian negeri terus berkembang dan kekal berdaya saing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36



PESERTA menimba pengalaman menanam padi di Kampung Paya Luboh, Tangga Batu, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Paya Luboh jadi lokasi pelancongan agro

MELAKA: Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Itu perumpamaan tepat bagi menggambarkan usaha 1,000 penduduk Kampung Paya Luboh, Tangga Batu di sini yang ingin menjadikan kawasan itu sebagai destinasi pelancongan agro.

Tanpa mendapat bantuan mana-mana pihak, mereka bersatu hati mahu merealisasikan impian menjadikan kampung itu sebagai antara destinasi tarikan utama di Melaka.

Pengerusi Koperasi Kampung Paya Luboh Melaka Berhad (KO-PLB), Mohamad Shafik Safri-zan berkata, pakej pelancongan agro akan tertumpu kepada sukan ekstrem kenderaan serba

rupa bumi (ATV).

“Selepas ATV kita ingin memperkenalkan aktiviti sawah padi kerana kampung ini adalah salah satu kawasan sawah padi terbesar di negeri ini dengan keluasan 40 hektar diusahakan 50 pesawah.

“Aktiviti sawah padi khusus untuk pelancong dari dalam dan luar negara akan dilaksanakan di kawasan seluas 0.8 hektar milik KO-PLB yang kini dalam proses pelaksanaan. Pakej itu akan memberi pengalaman kepada pelancong dengan aktiviti menanam, mengempeng, menyulam dan membanting padi.

“Usaha penduduk melalui koperasi ini adalah sebahagian

nya terdiri daripada golongan B40 untuk menambah rezeki kerana mereka ini bergantung kehidupan dengan sawah padi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Mohamad Shafik, baru-baru ini seramai 40 ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil pakej pelancongan agro menunggang ATV.

Katanya, sebanyak 12 kenderaan itu yang dibeli pihaknya digunakan untuk aktiviti berkenaan.

“Bukan setakat menunggang ATV tetapi kita menambah aktiviti seperti menjala ikan di Sungai Paya Luboh, menanam dan menyulam padi serta aktiviti pengukuhan pasukan,” ujarnya.

Peniaga kecewa Pasar Tani Ramadan dibatal saat akhir

KHALID ABD SAMAD



Pam hidrolik bantu KADA atasi masalah bekalan air

KOTA BHARU: Penggunaan pam hidrolik bermula RM300,000 dan pada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membantu mengatasi masalah bekalan air kepada petak-petak sawah di negeri ini buat sementara waktu.

Pengarah Lembaga Kesan (KADA), Khalid Abd Samad berkata, ia sekali gus membolehkan kerja-kerja menanam padi di petak-petak sawah bernilai lebih 7,000 hektar di kawasan itu.

Katanya, ketika ini petak-petak sawah diusahakan oleh KADA dengan JPS. Ia banyak membantu mereka dengan perubahan cuaca.

"Fokus utama KADA selepas ini untuk membina kawasan takungan yang bersifat tahan lama dan mampu mengatasi masalah bekalan air secara lebih tuntas.

"Pada masa sama, kita harap pembinaan struktur air yang mampu membolehkan air mengalir dengan lancar tanpa gangguan terutamanya di musim kemarau."

Khalid berkata, apabila petak-petak sawah ini siap, bekalan air terutamanya pada musim kemarau dapat disesatkan. Katanya, situasi itu membolehkan pesawah menghidupkan petak-petak sawah yang sedia ada.



SEBAHAGIAN peniaga berhimpun di RTC Kota Bharu, semalam susulan keputusan membatalkan Pasar Tani Ramadan di pekan Stadium Muhammad IV. - UTUSAN/ROSILZA MOHAMED

Ramadan itu bertatap muka pihak berkuasa tempatan (PBT) awalnya dan peniaga lain di kawasan itu pada 27 Januari lepas. Peniaga-peniaga yang telah berdaftar dengan PBT di kawasan itu, termasuk di dalam jorjan Pasar Tani Ramadan dengan kerjasama Perbadanan Stadium dan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Baidar juga Islam (MPPB-BIR) bagi menangani situasi.

Seorang lagi peniaga, Norfah, berkata, dia dan peniaga lain juga bimbang sewo tarak pasar Ramadan itu membatalkan. Katanya, dia dan peniaga lain terpaksa mencari rezeki sepanjang Ramadan.

"Saya hanya mengetahui petak-petak sawah diusahakan oleh FAMA daripada peniaga lain pada minggu lepas. Saya kecewa kerana modal untuk membeli bahan mentah seperti RM100,000 dan RM200,000 yang telah saya belanjakan untuk membeli bahan mentah seperti beras, gula, minyak masak, dan lain-lain."

Norizan Che Ngah, 57, berkata, dia kecewa selepas dimaklumkan mengenai perkara tersebut minggu lepas. Katanya, FAMA sepatutnya memberi maklumat lebih awal bagi mengelakkan kerugian peniaga.

"Saya hanya mengetahui petak-petak sawah diusahakan oleh FAMA daripada peniaga lain pada minggu lepas. Saya kecewa kerana modal untuk membeli bahan mentah seperti RM100,000 dan RM200,000 yang telah saya belanjakan untuk membeli bahan mentah seperti beras, gula, minyak masak, dan lain-lain."

4/2/2025

UTUSAN

DALAM

34

MALAYSIA

NEGERI

Musim melawas,22696 kelapa Bagan Datuk 16 berkurang 70 peratus

OLEH AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediatunai.com.my

BAGAN DATUK: Pekebun kelapa di daerah ini mendakwa pengeluaran kelapa di sini berkurangan hampir 70 peratus susulan musim melawas atau buah tidak menjadi disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu.

Mereka mendakwa, keadaan itu sudah berlarutan sejak beberapa bulan lalu menyebabkan bekalan kelapa semakin berkurangan.

Dalam masa yang sama, pekebun juga berdepan ancaman haiwan liar terutama kera merosakkan buah kelapa dan meleraikan putik kelapa daripada tandan.

Seorang peraih kelapa di Kampung Sungai Tiang Baroh di sini, Kamarul Bahrain Muhyiddin, 51, berkata, kekurangan kelapa menyebabkan dia terpaksa membeli kelapa dari Indonesia.

Bagaimanapun, katanya, buah kelapa dari Indonesia kurang berkualiti, mudah rosak dan santan yang dihasilkan tidak sama kualiti dengan kelapa tempatan.

"Kekurangan buah kelapa kali ini begitu ketara, banyak pokok yang tidak mengeluarkan buah banyak seperti biasa disebabkan cuaca tidak menentu."

"Keadaan ini dikenal sebagai buah melawas, satu tandan tidak mengeluarkan buah yang banyak seperti biasa. Kami anggarakan penghasilan buah susut 70 peratus," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, meskipun kelapa dari Indonesia kurang



KAMARUL Bahrain Muhyiddin menunjukkan buah kelapa dari Indonesia yang sudah rosak di Sungai Tiang di Bagan Datuk.

- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

berkualiti, cepat rosak dan harga tinggi antara RM250 sehingga RM290 satu tan, iaitu antara 700 atau 800 biji, peraih tiada pilihan untuk memenuhi permintaan pembeli.

"Kekurangan kelapa menjejaskan bekalan santan. Jika bekalan kelapa tidak dihantar kepada peniaga santan, mereka terpaksa menutup perniagaan. Ini sekaligus menjejaskan peniaga lain terutama peniaga makanan yang memerlukan

bekalan santan berterusan," katanya.

Kamarul Bahrain berkata, peniaga lebih gemar menggunakan kelapa tempatan yang menghasilkan santan segar, lebih berlemak dan pekat serta tahan lebih lama berbanding kelapa import.

"Saya sudah serik beli kelapa dari Indonesia, namun tiada pilihan kerana bekalan kelapa tempatan terjejas akibat musim melawas," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	KOSMO	NEGARA	38

Agrobank sumbang bantuan RM15,000 kepada komuniti Cina

PETALING JAYA – Agrobank baru-baru ini meraikan sambutan Tahun Baru Cina 2025 di Keningau, Sabah yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan bantuan tunai berjumlah hampir RM15,000 oleh Agrobank kepada golongan B40, yang memberi manfaat kepada 150 Komuniti Cina di Ansip, Keningau.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, pihaknya komited un-

tuk menyediakan pembiayaan yang mudah diakses bagi membantu sektor pertanian dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing.

“Sambutan Tahun Baru Cina adalah satu peluang untuk kami menyampaikan penghargaan kepada semua pelanggan terutamanya usahawan tani yang terus menjadi tulang belakang kepada industri pertanian negara,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Arthur berkata, Tahun Baru Cina adalah masa untuk memperbaharui tekad dan semangat dalam mencapai kejayaan yang lebih

besar.

“Dalam konteks sektor pertanian, kementerian akan terus komited untuk memastikan sektor ini berkembang dengan mampan dan terus memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara serta kesejahteraan masyarakat,” katanya.

Sempena Tahun Baru Cina, Agrobank telah melancarkan Kempen *Huat Year Ong Ong Lai Mega Million 2.0* hingga 15 Februari ini yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM2.5 juta, untuk memupuk budaya menyimpan dalam kalangan masyarakat.



ARTHUR (tengah) memegang replika kunci motosikal pada majlis sambutan Tahun Baru Cina di Keningau, Sabah baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Agih subsidi bersasar dengan cekap kepada rakyat

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menyambut baik pendekatan subsidi bersasar oleh Kerajaan Madani yang berupaya mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Seri Paduka Baginda bagaimana-pun mahu agar subsidi bersasar digagihkan dengan cekap dan berkesan kepada kumpulan yang benar-benar layak sahaja.

Sultan Ibrahim turut mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan atas prestasi ekonomi negara yang membanggakan, sekali gus berharap ia akan terus dipertingkatkan.

"Saya bersyukur melihat perkembangan ekonomi termasuk prestasi ekonomi domestik dan pelaburan negara yang semakin bertambah baik, nilai ringgit kembali kukuh dan kadar pengangguran kekal rendah.

"Namun begitu kerajaan hendaklah menentukan arah prestasi baik ini membawa nikmat kemakmuran kepada seluruh rakyat dan bukan hanya memberi keuntungan kepada kumpulan tertentu sahaja," titah Seri Paduka Baginda.

Dalam pada itu, Yang di-Pertuan Agong menyeru kerajaan untuk terus membantu pekebun kecil, petani, peternak dan nelayan dengan mengambil tindakan proaktif bagi memperkasakan sektor pertanian, komoditi dan rantai bekalan makanan.

"Kerajaan juga perlu terus komited untuk memberikan peluang kepada setiap rakyat untuk memiliki rumah kediaman yang mampu dibeli, penyediaan infrastruktur asas, kemudahan kesihatan, dan pendidikan hendaklah terus ditambah baik," titah Seri Paduka Baginda.

Seri Paduka Baginda bertitah langkah kerajaan melaksanakan agenda reformasi pendidikan, latihan teknikal dan vokasional, serta pembangunan belia akan melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berkualiti. - Bernama



FENOMENA kini bukan sekadar jejaskan kilang Melayu, malah turut memberi kesan kepada kilang bukan Bumiputera yang lebih kecil.

Struktur pasaran tidak seimbang

Kilang padi Melayu terikat dengan pemborong, peruncit bukan Bumiputera

Oleh Amir Abd Hamid
amir.hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Isu kemerosotan operasi kilang padi Bumiputera hingga bertisiko 'gulung tikar' bukan sekadar berpunca daripada kos operasi tinggi, tetapi dipengaruhi oleh struktur pasaran tidak seimbang dan dikuasai pemain industri lebih besar.

Berdaharai Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah), Muhammad Rafirdaus Abu Bakar berkata, banyak kilang padi Melayu terikat dengan pemborong dan peruncit Bumiputera yang menguasai sebahagian besar rangkaian pengedaran beras di Malaysia.

"Realitinya, kilang Melayu pun menjual beras kepada pemborong bukan Melayu. Mereka juga terpaksa mengambil modal daripada taikun besar ini, menyebabkan mereka terikat dengan harga

yang ditentukan.

"Satu daripada faktor utama menyebabkan kilang Melayu tak dapat bersaing secara terbuka permainan harga di pasaran.

"Sebagai contoh, Bernas membeli padi pada harga RM1,200 dengan menawarkan komisn lori yang murah. Ini menyebabkan ramai pengusaha tidak berminat menghantar padi kepada mereka, sama seperti yang berlaku kepada kilang Melayu yang lain," katanya.

Selain itu, katanya, pusat belian padi yang dikendalikan oleh Pertubuhan Pe-ladang Kawasan (PPK) juga

masih bergantung kepada kilang bukan Bumiputera, sekali gus menyukarkan pengilang kecil Bumiputera untuk bersaing.

Muhamad Rafirdaus turut mendedahkan ada kilang membeli padi dengan harga lebih tinggi sebelum melakukan pembungkusan semula (*repackaging*) dan menjualnya sebagai beras import pada harga lebih mahal.

"Ini lah yang menyebabkan kilang Melayu semakin terhimpit. Mereka tidak mampu membeli padi pada harga tinggi kerana modal bukan datang daripada mereka sendiri. Se-

mentara itu, kilang-kilang besar membeli padi, membungkusnya semula dan menjualnya sebagai beras import, yang tidak tertakluk kepada harga selang," katanya.

Menurutnya, fenomena ini bukan sekadar menjiskan kilang Melayu, malah turut memberi kesan kepada kilang bukan Bumiputera yang lebih kecil.

"Perkara ini sudah berlaku lebih 10 tahun dan hari ini, semakin banyak kilang kecil, tidak kira Melayu atau bukan Melayu, terpaksa gulung tikar kerana pasaran yang tidak seimbang," katanya.

MTEM cadang tubuh Suruhanjaya Bebas tangani isu padi, beras

Kuala Lumpur: Malis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Bebas dengan segera bagi menangani isu industri padi beras negara.

Pengerusi MTEM, Norysharin Hamidon berkata, pihaknya melancarkan rasa kekecewaan terhadap kemelut berterusan dalam industri padi beras negara yang memberi kesan besar kepada lebih 33 juta rakyat Malaysia.

Katanya, isu seperti monopoli, ketirisan subsidi, rasuah dan ketidakcekapan pengurusan terus menekan pesawah dan pengilang kecil semakin terhimpit.

"Sejak 2012, MTEM berusaha menyampaikan suara pesawah, pengilang dan pemborong beras Melayu kepada kerajaan, namun tiada perubahan atau struktur yang mampu mengurangkan keberagutangan negara kepada beras import.

"Lebih membimbangkan, taraf hidup kira-kira 200,000 pesawah masih di bawah paras kemiskinan, manakala pengilang Melayu hampir pupus," katanya dalam kenyataan. Menurutnnya, golongan itu bukan saja berdepan kos operasi yang tinggi, malah terpaksa menjual tanah pusaka dan menaruh kilang akibat tekanan ekonomi.

Katanya, MTEM turut menerima pelbagai aduan daripada pemain industri terkeping tanpa saluran mengadu, menyebabkan kepercayaan terhadap pihak bertanggungjawab semakin pudar.

"Susulan kegagalan Institut Penyelidikan Padi & Beras (IPB) dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam menjalankan tanggungjawab mereka, MTEM mencadangkan satu Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi mengambil alih peranan ini.

"Suruhanjaya ini bakal dianggotai oleh pesawah, pengilang kecil, ahli akademik, teknologis, agensi berkaitan serta tokoh industri yang tiada kepentingan peribadi," katanya.

Sejak 2012, MTEM berusaha menyampaikan suara pesawah

Norysharin Hamidon

Norysharin berkata, antara isu perlu diberi perhatian peningkatan kos penanaman padi tidak seimbang dengan harga kawalan beras tempatan, RM2.60/kilogram sejak 2014.

"Harga ini dianggap tidak munasabah dan perlu disemak semula agar lebih adil kepada pesawah," katanya.

Beliau berkata, tindakan tegas juga perlu diambil bagi mengintensifkan monopoli Kilang besar yang didakwa mensabotaj pengilang kecil.

"Jaminan bekalan benih berkualiti, penggunaan beras tempatan sebagai stok simpanan negara, serta kawalan terhadap kenaikan harga barang dan perkhidmatan perlu menjadi keutamaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9



Struktur pasaran tidak seimbang himpit kilang padi Bumiputera

Kuala Lumpur: Isu kemerosotan operasi kilang padi Bumiputera hingga berisiko 'gulung tikar' bukan sekadar berpunca daripada kos operasi tinggi, tetapi turut dipengaruhi oleh struktur pasaran tidak seimbang dan dikuasai oleh pemain industri yang lebih besar.

Bendahari Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (PeSawah), Muhamad Rafirauds Abu Bakar, berkata banyak kilang padi Melayu terikat dengan pemborong dan peruncit bukan Bumiputera, yang menguasai sebahagian besar rangkaian pengedaran beras di Malaysia.

"Realitinya, kilang Melayu pun menjual beras kepada pemborong Cina. Mereka juga terpaksa mengambil modal daripada taikun besar ini, menyebabkan mereka terikat dengan harga yang ditentukan," katanya.

"Satu daripada faktor utama menyebabkan kilang Melayu tidak dapat bersaing secara terbuka adalah permainan harga di pasaran.

"Sebagai contoh, Bernas membeli padi pada harga RM1,200 dengan menawarkan komisen lori yang murah. Ini menyebabkan ramai pengusaha tidak berminat menghantar padi kepada mereka, sama seperti yang berlaku kepada kilang Melayu yang lain," katanya.

Selain itu, katanya, pusat belian padi yang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga masih bergantung kepada kilang bukan Bumiputera, sekali gus menyukarkan pengilang kecil Bumiputera untuk bersaing.

Muhamad Rafirauds turut mendedahkan, kilang bukan Bumiputera sering membeli padi dengan harga lebih tinggi, sebelum melakukan pembungkusan semula dan menjualnya sebagai beras import pada harga

lebih mahal.

"Inilah yang menyebabkan kilang Melayu semakin terhimpit. Mereka tidak mampu membeli padi pada harga tinggi kerana modal bukan datang daripada mereka sendiri. Sementara itu, kilang besar bukan Bumiputera membeli padi, membungkusnya semula dan menjualnya sebagai beras import, yang tidak tertakluk kepada harga siling," katanya.

Kedua-dua ini bukan sekadar menjejaskan kilang Melayu, malah turut memberi kesan kepada kilang bukan Bumiputera yang lebih kecil.

"Perkara ini sudah berlaku lebih 10 tahun dan hari ini semakin banyak kilang kecil, tidak kira Melayu atau bukan Melayu, terpaksa gulung tikar kerana pasaran yang tidak seimbang," katanya.

Beliau berharap kerajaan dapat meneliti semula dasar berkaitan kawalan harga beras tempatan dan memastikan ekosistem industri padi lebih adil kepada semua pemain terutama pengilang kecil Bumiputera yang semakin terancam.

Terdahulu, media melaporkan manipulasi beras tempatan menjadi beras import menyebabkan sebuah kilang padi Bumiputera terbesar di Perlis yang sudah beroperasi sejak 57 tahun lalu semakin 'tenat' untuk meneruskan operasi pemrosesan padi.

Malah, kilang Dibuk Sdn Bhd yang terletak di Jalan Kangar Alor Setar di Simpang Empat, di sini, berkemungkinan 'gulung tikar' kerana terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengarah Urusannya, Marzuki Othman, dilaporkan berkata kilang berkenaan yang menjadi tumpuan dan kemudahan kepada lebih 10,000 petani di Perlis dilihat tidak lagi mampu bertahan.



Fahmi bersama penerima pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi di Kepala Batas, semalam.

Pulau Pinang lulus RM239,832 bantu 131 pesawah terjejas banjir

Kepala Batas: Pulau Pinang meluluskan peruntukan berjumlah RM239,832 sebagai bantuan khas kepada 131 pesawah yang terjejas akibat banjir, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan negeri, Fahmi Zainol, berkata peruntukan itu disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang negeri membabitkan penerima dari sembilan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Katanya, jumlah diterima setiap pesawah berbeza mengikut keluasan dan penilaian tahap kerosakan dialami akibat bencana terbabit dan dikreditkan terus ke

dalam akaun masing-masing berbulan semalam.

"Banjir memberi kesan besar kepada sektor pertanian, khususnya pesawah sekali gus menjejaskan sumber pendapatan mereka yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tuai.

"Justeru, sebagai usaha membantu meringankan beban ditanggung, kerajaan negeri memperuntukkan bantuan berjumlah RM239,832 melalui Lembaga Pertubuhan Peladang kepada 131 pesawah yang terjejas," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi di sini, semalam.

Fahmi berkata, sawah yang terjejas akibat banjir membabitkan keluasan 140.8 hektar adalah jumlah yang besar.

Sehubungan itu, katanya perhatian dan sokongan daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan sektor pertanian negeri terus berkembang serta kekal berdaya saing.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan terus berusaha meningkatkan daya tahan sektor pertanian, termasuk memperkenalkan langkah mitigasi bagi menghadapi perubahan iklim dan bencana alam yang semakin mencair.

BERNAMA

All will benefit from economic pie, says PM

KUALA LUMPUR: The economic pie to be used for the country's development will cover all layers of society, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"The whole government machinery will ensure this reaches all quarters, including smallholders, farmers, fishermen and agricultural industry players, as well as food supply chains," Anwar said in a statement following His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia's royal address in Parliament yesterday.

His Majesty lauded the nation's economic progress but called for its benefits to be enjoyed by all people and not just certain groups.

Sultan Ibrahim also said the government should enhance the use of digital technology by strengthening infrastructure, the digital economy and cybersecurity.

To this, Anwar said it will revolutionise the government's ser-



For the people: (From left) Anwar, Ahmad Zahid and Dr Wee reaffirmed their commitment to focusing on the areas highlighted by the King.

vice and delivery systems, once fully implemented.

"We pray that our beloved country will continue to be peaceful, prosperous and competitive throughout His Majesty's reign," he added.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi expressed his gratitude to the King for His Majesty's attention on the government's efforts to produce a highly-skilled labour force by

empowering the educational system and TVET (Technical and Vocational Education and Training).

"God willing, efforts to empower TVET will continue being upheld as a national agenda, in line with His Majesty's intention," he said.

He noted the importance of preserving the country's stability by ensuring Parliament functions as a check and balance towards the country's administration.

"His Majesty also called on MPs to promote unity and not be an agent of division. We will uphold this," he said.

Ahmad Zahid, who is also chairman of the Cabinet special committee on Visit Malaysia 2026, said more efforts will be taken to promote Malaysian cultures and values on the global stage and encourage tourism opportunities.

On the King's emphasis on the role of MPs in uniting the people, MCA president and Ayer Hitam MP Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said the party will remain steadfast as a bridge of goodwill, fostering harmony within Malaysian society.

"This is a principle I have always upheld," Dr Wee said in a statement.

"As an MP and MCA president, I will continue to play my role in serving the people and safeguarding the interests of the nation."